



PENGUMUMAN PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN

SENARAI PENUH MAKLUMAT PERJALANAN PELAJAR IPTA DAN IPTS YANG LAYAK MENERIMA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN BAS PULANG MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PEMILIH

1. Sukacita sebagaimana umum telah mengetahui bahawa, pada hari Ahad 30 Julai 2023 yang lalu, senarai nama pelajar-pelajar IPTA dan IPTS yang layak menerima perkhidmatan pengangkutan bas bagi menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih telah dihebahkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan berjumlah seramai 2,212 orang untuk pulang ke Kelantan sebagaimana Lampiran A dan seramai 1,452 orang lagi untuk kembali semula ke destinasi asal sebagaimana di Lampiran B.
2. Manakala pada 01 dan 02 Ogos 2023 pula, Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan juga telah menghebahkan maklumat perjalanan seramai 2,058 orang pelajar untuk balik ke Kelantan dan kesemua 1,452 orang pelajar untuk kembali ke destinasi asal sebagaimana lampiran A1, A2, B1 dan B2. Dengan ini, masih terdapat seramai 154 orang lagi baki bilangan pelajar untuk balik ke Kelantan yang masih lagi belum ditentukan maklumat perjalanan mereka.
3. Sehubungan dengan itu, sukacita bersama-sama ini dihebahkan maklumat perjalanan bagi kesemua baki pelajar untuk balik ke Kelantan dan kembali semula ke destinasi asal tersebut sebagaimana di **Lampiran A3 dan B3**.
4. Pelajar-pelajar yang telah dinyatakan nama mereka di lampiran A3 dan B3 di atas bolehlah menghubungi talian *hotline* Syarikat Bas Ekspres yang telah ditentukan bagi tujuan pengambilan tiket bermula pada hari Khamis, 03 Ogos 2023.
5. Sukacita disarankan kepada semua pelajar supaya berada di lokasi yang telah ditentukan 1 jam lebih awal dari masa bas bertolak bagi mengelakkan berlakunya kejadian ketinggalan bas kelak.

6. Sukacita juga diingatkan kepada pelajar-pelajar yang akan menaiki bas di Terminal Bas Tiket Berpusat (CTS) untuk menyediakan bayaran yang mencukupi di antara RM1.00 hingga RM2.00 sekiranya ada caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak terminal berkenaan.
7. Pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (PPNK SUK Kelantan) pada waktu pejabat di talian telefon 09-7481180.

Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan

Bertarikh pada 16 Muharram 1445H bersamaan 03 Ogos 2023 (Khamis)